

KHAZANAH CAMPA: PERUMIAN PERBENDAHARAAN KATA CAM

(TREASURES OF CHAMPA: ROMANISATION OF CAM SCRIPT)

Mohamad Zain Musa & Karim Abd Rahman

Abstrak

Walaupun kerajaan Campa telah hilang sejak suku pertama abad ke-19, khazanahnya masih ditemui sehingga hari di wilayah yang disebut Negara Vietnam. Khazanah ini termasuk tapak arkeologi di mana terdiri banyak candi, monumen serta batu bersurat, semuanya masih ditemui hingga ke hari ini. Bahan bertulis seperti inskripsi ini telah ditukar bentuk kepada tulisan di atas bahan lembut yang boleh termusnah dengan lebih mudah seperti disebabkan faktor alam. Penghasilan manuskrip ini ditulis dalam bahasa Cam dalam huruf berpengaruh India-Pallava. Hanya satu jumlah kecil sahaja mereka yang boleh membaca tulisan bahasa Cam ini. Orang Cam lain yang kini bertebaran di seluruh dunia termasuk di Amerika Syarikat, Kanada, Perancis, Australia dan Malaysia akibat peristiwa 1975 yang melanda Kampuchea, Laos dan Vietnam, masih bertutur bahasa Cam, bahasa komunikasi sesama mereka dan anak-anak cucu mereka dengan sanak saudara mereka. Bagi memelihara khazanah bahasa ini, kami merumikan tulisan Cam ini dengan memantapkan ejaannya dengan menyeragamkan pelbagai ejaan yang pernah berlaku sebelum ini. Asas perbendaharaan kata Cam ini diambil dari beberapa buah kamus yang pernah dihasilkan sejak tahun 1906 termasuk Aymonier dan Cabaton. Diharapkan ejaan rumi perbendaharaan kata Cam terhasil ini menjadi panduan pada umum untuk menulis bahasa Cam dalam huruf rumi.

Kata kunci: Campa; bahasa Cam; manuskrip Cam; khazanah Melayu; Kampuchea; Vietnam

Abstract

Although the kingdom of Campa had disappeared since the first quarter of the 19th century, its treasures are still found to this day in the region now known as the State of Vietnam. These treasures include archaeological sites where numerous temples and monuments were erected along with several stone inscriptions which are still being found to this day. However, written materials such as inscriptions had changed mediums and written on soft materials, making it easily damaged or destroyed by the weather. The production of these materials are written in Cam language using the Indian-Pallava-influenced letters. Only a small fraction of Cam people who can still read the written language of the Cam's. This is due to the reason that many Cam people are now scattered around the world including in the United States, Canada, France, Australia and Malaysia due to the 1975 events that effected Cambodia, Laos and Vietnam. Nonetheless, the majority of them can still speak the cam language and use it to communicate with their grandchildren and relatives in the three mentioned countries. To preserve the valuable treasure of the Cam language, we have simplified the Cam writings in Roman scripts by strengthening and standardizing various spellings that have occurred before. The Cam vocabulary served as foundation of this work as taken from several

dictionaries that have been published since 1906 including the Cam-French Dictionary by Aymonier and Cabaton, Cam-French-Vietnamese dictionary by Moussay and few others. It is our hope that the resulting rumi spelling of the Cam vocabulary would serve as a guide for the general public to write Cam in rumi letters in a uniform and standard way.

Keywords: *Champa; Cham language; Cham manuscript; Malay heritage; Cambodia; Vietnam*

PENGENALAN

Kewujudan Kerajaan Campa telah disahkan oleh sumber China pada 192 Masihi dan terus wujud sehingga tahun 1835 apabila ia ditakluki sepenuhnya ke dalam wilayah Vietnam. Pada peringkat awal kewujudannya, Campa telah menerima sistem kepercayaan India, iaitu Buddhisme dan Hinduisme. Kemudian, Islam telah menjadi amal kebiasaan majoriti orang Cam, yang berumpun bangsa Austronesia. Berikutan itu, agama Kristian juga dibawa masuk ke wilayah Campa oleh orang Eropah. Pada hari ini didapati orang Cam menganut semua agama besar dunia. Namun anutan agama Islam adalah anutan majoriti orang Campa khususnya orang Cam.

Budaya India telah berabad-abad lamanya tersebar dalam kerajaan Campa, kerajaan yang merupakan sebuah federasi lima buah negeri iaitu Amaravati, Indrapura, Vijaya, Kauthara dan Panduranga. Jika pada mulanya, kekuatan Kerajaan Campa melalui pemimpin atau ketua negara mereka, yang disebut 'Raja', kekuatan mereka mula berkurang pada akhir abad ke-10 dengan kelahiran sebuah identiti kebangsaan baru iaitu Vietnam pada 939 Masihi di utara sempadannya. Vietnam yang baru diwujudkan itu memulakan kemaraannya ke Selatan, terkenal dengan istilah *nam-tien* yang merugikan Campa serta Kerajaan Kemboja. Demikianlah, sempadan utara Campa secara beransur-ansur berpindah ke Selatan sehingga kehilangan kerajaan sepenuhnya pada tahun 1835. Sejak tarikh itu, orang Campa yang berpindah secara berperingkat-peringkat, dalam jumlah besar terutamanya dalam pencerobohan dan pemusnahan Vijaya pada tahun 1471. Paling ramai pelarian Campa ini menuju ke Kemboja, yang bersempadan dengan Kerajaan Campa.

Pelarian Cam ini juga mendapat perlindungan di beberapa buah negara lain contohnya di Asia Tenggara seperti di Semenanjung Tanah Melayu, Hainan (China), Sumatera (Acheh, Indonesia) dan di Kalimantan (Indonesia). Peristiwa yang menimpa Kemboja, Laos dan Vietnam pada tahun 1975 telah mengancam kehidupan masyarakat Cam sekali gus telah menyebabkan perpindahan secara besar-besaran. Antaranya, ramai yang berhijrah ke Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

Orang Cam yang berhijrah ini hanya membawa bahasa serta adat resam bersama mereka. Bahasa mereka tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia. Pada abad kedua Masihi lagi mereka mula menulis dengan mencipta huruf Cam berdasarkan sistem tulisan Sanskrit sehingga dapat menghasilkan inskripsi pada abad ke-4 Masihi. Inskripsi yang terkumpul di Vietnam, dan masih dikaji sehingga hari ini, ada yang ditulis dalam bahasa Cam, Sanskrit dan campuran kedua-dua bahasa tersebut. Gaya penulisan juga berbeza. Setelah abad ke-15 ditemui pula dokumen bertulis dalam bahasa Cam yang dirakamkan di atas bahan lembut. Khazanah tersebut dipanggil manuskrip. Manuskrip tersebut merangkumi bidang sejarah, budaya, ritual, kepercayaan, agama dan adat resam mereka dan lain-lain lagi. Tulisan Cam boleh dibahagikan kepada empat zaman, iaitu sebelum abad keempat, abad keempat hingga abad kelima belas, abad keenam belas hingga abad kelapan belas, dan abad kelapan belas hingga sekarang.

Walaupun skripnya telah berubah sebanyak empat zaman, aksara Cam tetap menyimpan peraturan dasar sistem bahasa yang berasaskan Sanskrit. Kini manuskrip Cam ini tersimpan oleh individu tertentu, biasanya dalam rumah mereka, sama ada di Vietnam mahupun di Kemboja. Walau bagaimanapun, minat orang Cam kini untuk membaca inskripsi dan manuskrip Cam amat berkurangan, apa lagi hendak memelihara khazanah tersebut bahkan kebanyakan mereka tidak faham akan kandungannya dan nilai khazanah mereka sendiri.

KAJIAN BAHASA DAN PENULISAN

Sejak tahun 1852, orang Cam dan kebudayaan mereka menjadi minat ahli sains sosial¹ Perancis. Mereka telah menerbitkan beberapa makalah mengenai tulisan dan dialek Cam serta mengenai orang Cam. Ini diikuti oleh E. Aymonier yang menerbitkan hasil kajian beliau dalam beberapa karya mengenai Bahasa dan huruf Cam, seperti “*The Cham grammar*” dalam *Excursions and Reconnaissances* XIV – 32 (1889), “*The first step learning about the Cham epigraph*” dalam *Journal Asiatique* XVII - 1 (1891). Kemudian ia diikuti pula oleh P. Durand tentang epigrafi Cam, dalam banyak makalah.

Pada tahun 1901, L. Finot terbitkan sebuah *Catalogue Cham*. Pada 1906, A. Cabaton dan E. Aymonier terbitkan “*Dictionnaire cam-française*” (Kamus Cam-Perancis). Kerja menterjemahkan teks epigrafi Cam bermula dari tahun 1911. Sebuah buku *master piece* sejarah Kerajaan Campa (*Le Royaume de Champa*) telah dihasilkan oleh G. Maspéro pada tahun 1928. Kira-kira 50 tahun selepas tarikh ini, tumpuan ahli penyelidik berkurangan terhadap kajian sumber bertulis ini.

Hanya pada tahun 1970-an barulah kajian teks yang telah terkumpul dapat dimulakan serta menghasilkan dua buah buku katalog koleksi teks yang tersimpan di *Société Asiatique* dan *Centre d'histoire et de civilisations indochinoises* (CHCPI) serta di Section IV Sorbonne, *École Pratique des Hautes Études* (EPHE) di Paris.² Mereka juga mula mengidentifikasikan dokumen bertulis dalam bahasa Cam, seperti dekri diraja, teks pentadbiran, undang-undang dan dokumen kerajaan, ekonomi, budaya, masyarakat Cam pada masa itu.³

Setelah itu banyak kajian terhadap teks manuskrip dalam tulisan Cam telah dihasilkan bermula dari terjemahan termasuk *Akayet Inra Patra* (Kuala Lumpur, 1997, 189 halaman), *Akayet Dowo Mano* (Kuala Lumpur, 1998, 253 halaman), *Akayet Nai Mai Mang Makah* (Kuala Lumpur, 2000, 162 halaman), *Quatre lexiques malais-cam anciens* (EFEO, Paris, 1999, 397 halaman) dan *Peribahasa Cam Dictons & Proverbes Cam* (Kuala Lumpur, 2002, 174 halaman). Sebuah lagi karya agung telah diterbitkan oleh Universiti Sains Malaysia, Penang oleh Mohamad Zain Musa pada tahun 2012, 208 halaman.

Dalam tahun 1990-an, dengan bantuan Toyota Foundation, satu kumpulan dari *University of Social Sciences and Humanity-Vietnam National University* Bandar Ho Chi Minh, telah menerbitkan kamus Cam-Vietnam, dan Kamus Vietnam-Cam. Dengan tajaan Toyota Foundation ini *University of Social Sciences and Humanity* telah mengumpul satu jumlah manuskrip Cam yang ada di Vietnam. Usaha mereka dari Disember 1998 hingga ke Disember 2002 telah menghasilkan “*Cham Bibliographic Catalogues in Vietnam*” (2007)⁴ yang merupakan katalog teks–manuskrip dalam bahasa Cam dijumpai di Vietnam. Pada tahun 2012 melalui satu lagi projek tajaan EFEO dan Toyota Foundation, universiti tersebut telah menerbitkan “*The Inscriptions of Campā at The Museum of Cham Culture in Đà Nẵng*”. Pada 2012, Mohamad Zain Musa dan beberapa orang rakannya telah menghasilkan *Kamus Melayu-Cam* yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia setebal 435 halaman.

CIRI-CIRI TULISAN CAM

Dalam sejarah perkembangan bangsa Cam, terdapat beberapa fasa perubahan dalam penulisan mereka. Pada peringkat awal mereka meminjam huruf Sanskrit untuk melahirkan sebuah sistem penulisan dan ditambah baik sedikit demi sedikit sehingga ke tahap sempurna. Cendekiawan Campa menggunakan aksara yang baru dicipta ini bagi tujuan keperluan pendidikan dan penyebaran ilmu kepada generasi akan datang. Perubahan tulisan yang dipinjam dari India ini telah melalui empat fasa: Sebelum abad ke-4; abad ke-4 hingga ke abad ke-15, abad ke-15 hingga ke abad ke-18 dan akhir sekali abad ke-18 hingga kini. Huruf Cam dalam fasa keempat ini masih diguna pakai oleh sejumlah terhad orang Cam di bahagian tengah Vietnam dan sejumlah orang Cam di Kemboja.

Berikut adalah gambar beberapa inskripsi yang terjumpa di Vietnam.⁵




Foto 1. Inskripsi Dong Yen Chau
Sumber: Koleksi foto penulis




Foto 2. Inskripsi Po Klaong Girai
Sumber: Koleksi foto penulis



Foto 3. Inskripsi Kanduk
Sumber: Koleksi foto penulis

Dalam abad ke-16 hingga ke-18, penulisan mereka bukan lagi di atas batu tetapi di atas daun lontar dan juga kertas. Terdapat tiga corak tulisan yang berbeza⁶ yang disebut akhar rik⁷, akhar yok⁸, dan akhar tuer.⁹



Foto 4. Teks Cam atas daun lontar (2 pic)
Sumber: Koleksi foto penulis




Foto 5. Akhar Rik
Sumber: Koleksi foto penulis




Foto 6. Akhar Yok
Sumber: Koleksi foto penulis




Foto 7. Akhar Atuel
 Sumber: Koleksi foto penulis

TULISAN JAWI CAM

Apabila orang Cam menerima tamadun Islam melalui penerapan agama Islam, mereka telah meminjam huruf Arab untuk menulis Bahasa Cam. Kali ini mereka tidak mengubah suai corak tulisan abjad Arab tetapi menambah abjad kepada sistem konsonan dan bunyi bersesuaian dengan Bahasa Cam.

Huruf Jawi Cam ini diguna pakai oleh orang Cam *Awal*¹⁰ dan *Barau*¹¹. Bagi orang *Cam Awal* yang juga disebut *Bani*, huruf Jawi Cam diguna hanya dalam penyalinan ayat-ayat al-Quran dan dalam mantera dan azimat.

Bagi orang *Cam Barau* atau *Cam Islam*, huruf Jawi Cam diguna dalam manuskrip yang berkait dengan hal-hal agama seperti upacara keagamaan dan rukun-rukun amalan harian. Huruf Jawi ini disebut “Akhar Bani” (Huruf orang Bani), dan kemudian disebut “Huruf Jawi” atau “Huruf Jawi Cam”. Istilah ini bertujuan untuk membezakan dengan *Huruf Jawi* seperti diguna pakai di Tanah Melayu. Setelah perang dunia kedua, huruf Jawi Cam ini digunakan meluas oleh orang Cam di Delta Sungai Mekong, Vietnam dan di Kemboja, dalam kalangan mereka yang berpendidikan agama.

MANUSKRIP CAM

Satu jumlah besar manuskrip Cam kini tersimpan di beberapa buah perpustakaan di Perancis, di Malaysia seperti di Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Muzium Etnologi Dunia Melayu. Semuanya dihasilkan dalam huruf Cam Moden.




Foto 8. Huruf Cam Moden
 Sumber: Koleksi foto penulis

Manuskrip Cam Moden ini merakamkan pelbagai bidang ilmu seperti filosofi, adat resam, surat perjanjian, sejarah, perubatan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, majoriti teks lama yang ditulis pada bahan organik, seperti daun lontar, kertas tidak dapat bertahan lama. Teks jenis tersebut yang tertua muncul pada abad ke-16. Kini masih ada sejumlah kecil manuskrip yang tersimpan oleh ahli keluarga Cam yang amnya mengenal nilai khazanah yang hampir pupus ini dan diturunkan kepada anak cucu mereka secara turun temurun.

Sejumlah teks manuskrip yang ditemui masa kini adalah salinan daripada manuskrip asal yang tidak diketahui di mana tersimpannya. Penyalinan dibuat dalam kalangan pembesar masyarakat Cam. Di bawah adalah beberapa gambar manuskrip Cam dan bagaimana ia disimpan oleh individu tertentu. Biasanya manuskrip ini dimasukkan ke dalam karung kain, disebut *tabik* dalam bahasa Cam dan ada yang disimpan dalam bakul rotan disebut *bai*, dan digantung di bumbung rumah. Di Kemboja setelah pemerintahan Pol Pot, tidak dapat dipastikan sama ada masih ada lagi manuskrip yang disimpan oleh ahli masyarakat. Manuskrip yang ditemui dalam awal tahun 1990-an adalah sebahagian dari salinan manuskrip yang sebahagiannya telah terbakar atau dimakan serangga.



Foto 9. Manuskrip yang rosak

Sumber: Koleksi foto penulis

Oleh kerana bahan yang diguna untuk menghasilkan manuskrip itu mudah rosak, manakala ada yang rosak sehingga tidak dapat dipulihkan, khazanah bangsa ini termusnah begitu sahaja.

Kerumitan hidup semasa individu tertentu yang disebabkan kemiskinan telah memaksa mereka tidak ambil peduli terhadap khazanah yang tak ternilai ini. Kesibukan mereka dalam mencari nafkah hidup merupakan sebab utama mereka kurang minat tentang khazanah oleh generasi kemudiannya. Dengan yang demikian banyak manuskrip Cam termusnah atau terhapus begitu sahaja. Ini beberapa gambar yang menunjukkan bagaimana manuskrip disimpan di rumah individu tertentu.



Foto 10. Cara Simpanan manuskrip oleh individu
Sumber: Koleksi foto penulis

Dalam hal sesebuah manuskrip yang panjang, teks yang mempunyai banyak halaman diikat dalam bentuk buku. Kadang-kadang dalam sebuah buku manuskrip terdapat satu jumlah koleksi naskhah teks manuskrip yang berbeza, seperti manuskrip CM39.



Foto 11. Cara Simpanan manuskrip oleh individu
Sumber: Koleksi foto penulis

Warisan Cam yang tidak ternilai seperti manuskrip ini yang telah dijumpai di Vietnam, dan mungkin di Kemboja banyak memberi petunjuk tentang sejarah dan budaya lampau sebuah masyarakat malahan ditemui di kebanyakan wilayah di seluruh dunia.

Khazanah ini dapat memberi keterangan dalam banyak perkara sama ada dari sudut masyarakat lokal sendiri atau dari sudut hubungan masyarakat Cam dengan ahli masyarakat di daerah asing Asia Tenggara serta benua yang lebih jauh lagi. Oleh itu, satu projek yang mantap harus diadakan untuk memelihara warisan khazanah Campa yang juga dari rumpun Melayu Polynesia.

Antara kerja yang harus dilakukan adalah mengkaji manuskrip yang sedia ada dan terkumpul. Keduanya projek yang harus diadakan dengan segera adalah memelihara bahasa Cam itu sendiri. Bahasa Cam Moden yang ditulis dalam *Akhar Thrah* atau *Akhar Srab* (huruf, aksara atau tulisan biasa yang diguna kini) tidak lagi ramai yang boleh membacanya. Bahasa lisan Cam ini masih di tutur oleh orang Cam tua dan muda di seluruh dunia. Demikian untuk memelihara bahasa ini dan menjadikan bahasa bertulis juga, satu rencana mentranskripsikan *Akhar Thrah* kepada Akhar Rumi (aksara rumi Cam) dilakukan. Untuk tujuan tersebut, kami telah sediakan satu sistem transkripsi abjad dan vokal *Akhar Thrah* kepada huruf rumi seperti yang disediakan di bawah ini. Karya ini adalah satu pekerjaan monumental yang mengumpulkan kata-kata dalam perbendaharaan kata dalam bahasa Cam yang terjumpa dalam banyak manuskrip dan juga diambil daripada kata-kata yang telah terkumpul dalam kamus bahasa Cam-Bahasa Perancis oleh Aymonier-Cabaton (1906) dan kamus bahasa Cam-Vietnam dan Perancis oleh Moussay (1971).

AKSARA CAM: AKHAR THRAH

Sejak penjajah Perancis datang ke Semenanjung Indochina pada pertengahan abad ke-19, mereka telah mengeksploitasikan hasil kekayaan ekonomi tempatan di samping menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan, baik dalam bidang pertanian, kesihatan dan lain-lain lagi. Penemuan candi-candi bersejarah di Indochina khususnya di Kemboja dan Campa telah menggalakkan mereka menubuhkan sebuah pusat pengajian tamadun di Indochina dan kemudian di Asia Timur, pada tahun 1901 yang diberi nama *Ecole Française d'Extrême-Orient* atau Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO). Pelbagai kajian dan penyelidikan yang berkaitan dengan kerajaan Kemboja dan Campa dilakukan. Antara bahan kajian mereka ialah bahan bertulis sama ada inskripsi atau manuskrip.

Manuskrip Cam yang telah dikatalogkan, dikodkan seperti berikut:

CAM -	bagi manuskrip dalam kumpulan simpanan EFEO;
CAM MICROFILM -	bagi manuskrip simpanan EFEO dalam bentuk mikrofilem;
CM -	bagi manuskrip Cam dalam simpanan <i>Société Asiatique</i> ;
MEP vol. -	bagi manuskrip dalam kumpulan simpanan MEP;
CHCPI CAM -	bagi manuskrip dalam kumpulan simpanan pusat CHCPI;
P-B LAFONT, CAM -	bagi manuskrip disimpan di CHCPI;
PO DHARMA, CAM -	bagi manuskrip disimpan di CHCPI;
INDOCHINOIS –	bagi manuskrip kumpulan
(Cham -) dan E.L.O.	simpanan Bibliothèque National.

SISTEM TRANSLITERASI

Dalam mengkaji manuskrip Cam oleh *Groupe de Recherche Cam* (Kumpulan Pengkaji Cam) yang diketuai oleh Prof Lafont, dalam tahun 1970-an hingga ke tahun 2000-an, satu sistem transliterasi Cam telah direka, iaitu satu sistem pengalihan huruf *Akhar Thrah* kepada huruf rumi untuk memudahkan pembacaan teks asal bagi mereka yang tidak mampu membacanya. Sistem transkripsi ini telah diterbitkan pada tahun 1977 dalam BEFEO jil. LXIV, Paris, hal. 243-255 di bawah tajuk "*Etudes cam: Essai de translittération raisonnée du cam*" (Pengkajian Cam: Esei mengenai transliterasi bahasa Cam yang bijak). Apa yang didapati, sistem transkripsi ini sangat saintifik dan rumit bagi orang awam. Sejak awal tahun 2000 kami cuba mencipta satu lagi sistem, kali ini bukan lagi sistem transliterasi tetapi sistem transkripsi bahasa Cam kepada huruf rumi. Sistem transkripsi ini tidaklah terlalu sistematik namun hanya menggunakan sistem ejaan rumi Melayu yang sedia ada.

Kini kami telah mengambil berat mengenai sistem ejaan rumi bahasa Cam. Dengan mengambil ilham daripada ejaan rumi bahasa Malaysia, kami telah mencapai persetujuan dengan mengambil pendekatan seperti berikut. Kami akan menyusun setiap satu huruf, sama ada abjad, vokal dan seterusnya dalam judul untuk memudahkan rujukan. Jadual di bawah menunjukkan senarai konsonan seperti yang ada dalam sistem aksara *Akhar Thrah* Cam. Terdapat 35 buah *Ina Akhar* (konsonan), 6 *Ina Akhar Lambam* (konsonan bebas) dan 24 *Takai Akhar* (vokal) dalam bahasa Cam. Di samping itu ada juga 12 *Ina Akhar Matai* (konsonan hujung) yang ditulis pada penghujung sesebuah perkataan untuk memperlihatkan penulisan sesebuah perkataan, yang boleh dibandingkan dengan satu ruang dalam tulisan rumi bahasa Melayu. Dalam hal bahasa Cam ini selain daripada beberapa buah buku yang dihasilkan oleh orang Eropah iaitu Hassan Tu, seorang Cam yang kini tinggal di Amerika Syarikat, dalam bukunya «*Grammar of the Cam Language*» (Hasan Tu: 2015) telah membicarakan dengan panjang lebar tentang tatabahasa Cam termasuk fonologi, pembentukan sesebuah perkataan, kata nama, kata kerja, numeral dan juga klasifikasi perkataan Cam serta perbendaharaannya.

TRANSKRIPSI RUMI CAM

Seperti yang diuraikan di atas, sistem penulisan aksara Cam seperti yang dibuktikan dalam dokumen bertulis iaitu manuskrip Cam dalam huruf Cam Moden benar-benar mantap, seperti yang dilihat dalam satu jumlah besar manuskrip yang telah dikatalogkan dan yang sedang dikatalogkan¹². Sekiranya terdapat beberapa variasi tertentu, ini disebabkan bunyi dan loghat kawasan tertentu yang didiami penghasil manuskrip Cam, seperti tempat asal mereka sama ada orang Cam di bahagian tengah Vietnam, di Delta sungai Mekong atau pun di Kemboja.

Malahan telah diketahui umum peristiwa bersejarah yang menimpa tiga buah negara Asia Tenggara iaitu Kemboja, Laos dan Vietnam dalam tahun 1970-an, ramai orang Melayu-Cam dari tiga buah negara tersebut terpaksa berpindah untuk menyelamatkan diri ke wilayah yang lebih jauh seperti Amerika Syarikat, Canada, Eropah, Australia, New Zealand dan dengan jumlah besar ke Malaysia. Ada dalam kalangan mereka masih boleh membaca dan menulis aksara Cam Moden. Keseluruhan mereka masih bertutur bahasa Cam, bahasa nenek moyang mereka. Anak-anak muda kelahiran negara kediaman baru mereka hanya boleh bertutur tetapi dalam keadaan kurang sempurna. Proses pengalihan aksara daripada aksara Cam Moden ke huruf rumi dipercayai akan memudahkan mereka yang ingin mempelajari bahasa nenek moyang mereka dengan lebih baik. Sebagai contoh ramai orang Cam berusaha untuk menulis bahasa Cam dalam huruf rumi menurut sebutan mereka yang kadangkala menyimpang jauh daripada perkataan dan bunyi asal seperti:

abalih	ᨀᨁᨗᨉᨗ	iblis
ablih	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗ	
abaléh	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗ	
ibalih	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗ	
sabalih	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗ	
aban	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗ	sarong
ban	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗ	
abaw	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗ	siput
abao	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗ	
abih	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗ	habis
awih	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗᨗ	
akhan	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗ	beritahu
ikhan	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗ	
akhar	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗ	aksara, huruf
akher	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗ	
halun	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗ	saya, hamba
hulun	ᨀᨁᨗᨉᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗᨗ	

Oleh sebab seperti yang telah dinyatakan di atas, kami telah mencipta satu sistem transkripsi ini dengan mengambil kira pelbagai bentuk ejaan rumi sesuatu perkataan oleh anak-anak Cam. Ini

adalah satu kerja yang rumit dan mengambil masa yang lama untuk mencapai ke kesimpulan seperti transkripsi yang dijadualkan di atas.

Kamus yang menjadi panduan kami dalam menghasilkan sebuah buku Perbendaharaan Kata bahasa Cam termasuk:

1906: Aymonier E., Cabaton A. *Dictionnaire Cam – Français*. EFEO. Paris.

1971: Moussay, Gérard. *Dictionnaire Cam-Vietnamien-Français*. Phanrang.

2000: Mohamad Zain Musa & ... (Penterjemah). *Empat Leksikon Bahasa Melayu – Bahasa Cam yang disusun di Campa pada abad ke 17*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan EFEO.

2010: Abdul Majid Hj. Yunos. *Kamus Cam-Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.

2012: Mohamad Zain Musa & ... Arifin Musa. *Kamus Melayu-Cam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 435 hlm.

INA AKHAR (Konsonan)

Aksara Cam	𑄑	𑄒	𑄓	𑄔	𑄕	𑄖		
Bunyi	ka	kha	ga	gha	nga	nga		
Trans-kripsi	k	kh	g	gh	ng	ng		
Aksara Cam	𑄗	𑄘	𑄙	𑄚	𑄛	𑄜	𑄝	
Bunyi	ca	cha	ja	jha	nya	nya	nja	
Trans-kripsi	c	ch	j	jh	ny	ny	nj	
Aksara Cam	𑄞	𑄟	𑄠	𑄡	𑄢	𑄣	𑄤	
Bunyi	ta	tha	da	dha	na	na	nda	
Trans-kripsi	t	th	d	dh	n	n	nd	
Aksara Cam	𑄥	𑄦	𑄧	𑄨	𑄩	𑄪	𑄫	𑄬
Bunyi	pa	Pa	pha	ba	bha	ma	ma	mba
Trans-kripsi	p	P	ph	b	bh	m	m	mb
Aksara Cam	𑄭	𑄮	𑄯	𑄰	𑄱	𑄲	𑄳	
Bunyi	ya	ra	la	wa	sa	sa	ha	
Trans-kripsi	y	r	l	w	s	s	h	

Terdapat 35 buah konsonan dalam aksara Cam. Antara 35 buah konsonan ini ada dua belas yang mempunyai bentuk sedikit berbeza kerana huruf tersebut ditulis di penghujung sesuatu perkataan. Ini disebabkan penulisan perkataan Cam tidaklah seperti penulisan huruf rumi Melayu di mana setiap perkataan Melayu dalam tulisan rumi memperlihatkan satu gabungan beberapa huruf, konsonan dan vokal, untuk membenturkan sesuatu perkataan. Oleh kerana penulisan *Akhar Thrah* Cam tidak memperlihatkan pemenggalan sesuatu perkataan dalam sesuatu ayat seperti penulisan rumi bahasa Melayu, cendekiawan Cam telah menggunakan kebijaksanaan mereka mencipta dua belas huruf khas untuk tujuan tersebut. Huruf ini disebut *Ina Akhar Matai* (konsonan hujung) dan ditulis hanya pada penghujung sesuatu perkataan. *Ina Akhar Matai* iaitu konsonan khas di penghujung ini adalah seperti berikut:

INA AKHAR MATAI (konsonan Hujung)

Akhar Matai	ᦏ	ᦑ	ᦓ	ᦕ	ᦗ	ᦙ
Transkripsi	k	c	t	n	ng	p
Disebut	ka	ca	ta	na	nga	pa
	Matai	matai	matai	matai	matai	matai
Akhar Matai	ᦛ	ᦞ	ᦟ	ᦠ	ᦡ	ᦣ
Gtranskripsi	y	r	l	w	s	h
Disebut	ya	aa	la	wa	sa	ha
	Matai	matai	matai	matai	matai	matai

Di samping 35 buah konsonan seperti yang tersebut di atas, ada antaranya 12 buah konsonan yang dibentuk sedikit beza jika ditulis pada penghujung sesuatu perkataan. Cendekiawan Cam telah mewujudkan konsonan hujung, disebut *Akhar Matai*, untuk menunjukkan bahawa itu adalah penghujung sesuatu perkataan, tujuannya untuk memudahkan pembacaannya. Ini disebabkan tulisan Cam, seperti juga tulisan Khmer atau Melayu-Jawi, tidak seperti tulisan rumi di mana setiap perkataan itu ditulis dalam sesuatu blok gabungan sesuatu jumlah konsonan dan vokal. Tulisan Cam tiada perpisahan seperti rumi ini, hanya ditentukan dengan *Akhar Matai* pada penghujung sesuatu perkataan.

INA AKHAR LAMBAM (Konsonan Bebas)

Akhar Lambam	ᦅ	ᦆ	ᦇ	ᦈ	ᦉ	ᦊ
Transkripsi	a	i	u	e	ai	o

Di samping itu, aksara Cam mempunyai juga enam buah *Ina Akhar Lambam* iaitu konsonan bebas. Konsonan bebas ini ada kalanya boleh berdiri sendiri seperti beberapa contoh di bawah.

Contoh:

abih	ᦅᦱᦺᦃ
acaok	ᦅᦱᦺᦃᦏ
Ibadat	ᦅᦱᦺᦃᦏᦓ
Ubah	ᦅᦱᦺᦃᦏ
ésan	ᦅᦱᦺᦃᦏᦓ
<u>aik</u>	ᦅᦱᦺᦃᦏ
<u>oh</u> mbeng o	ᦅᦱᦺᦃ ᦏ ᦏ

Untuk membentukurkan sesuatu perkataan, tulisan Cam juga mempunyai vokal untuk menggabungkan aksara yang akan memberi bunyi tertentu. Aksara Cam mempunyai 24 buah vokal yang disebut *Takai Akhar* atau *Paob* dalam bahasa Cam. *Takai Akhar* ini adalah seperti berikut:

TAKAI AKHAR atau PAOH (Vokal)

Tanda	Nama	Bunyi	Transkripsi	Contoh
Paoh				
ʼ	paoh ngak	ng	ng	lang
ʼ	paoh thek	e	e	peh
ʼ	paoh thek tut mak	em	em	ligem
Dar				
◌	dar sa	o	o	lo
ʃ	dar sa dar dua	ai	ai	takai
Balau				
◌	balau	(tanpa bunyi)	(tanpa transkripsi)	pak
◌	balau tapong	é	é	kajé
Craoh				
◌	craoh ao	<u>ao</u>	ao	nao
◌	craoh ao paoh ngak	<u>aong</u>	aong	anaong
◌	craoh ao tut mak	aom	aom	kandaom
Takai				
ˆ	takai kuk paoh thak	au	au	thau
◌	takai kuak	ua	ua	kacua
◌	takai krak	r	r	kahra
◌	takai yak	i	i	tian
ˆ	takai kuk	u	u	hu
◌	takai kâk	â	â	jiâ
◌	takai kik	i	i	liman
◌	takai kik tut mak dalam	i	i	di
◌	takai kik paoh yak	ei	ei	thei, sei
◌	takai kik tut mak lingiw	im	im	ciim

‘	takai klak	1	1	klak
Tut mak				
•	tut mak	m	m	dom
Kain				
”	kain dua	”	”	
”	kain klau, atau kain taluic	” atau ”,”	”,”	
‡	kain peh	‡	‡	

ANGKA (Number)

Tulisan:	0	๑	๒	๓	๔
	o	1	2	3	4
Baca:	sauh	sa	dua	klau	pak
Tulisan:	๕	๖	๗	๘	๙
	5	6	7	8	9
Baca:	lima	nam	tujuh	dalapan	salapan/ similan


Masih terdapat bunyi-bunyi dalam bahasa Cam yang kami fikir lebih tepat dengan mengadakan satu tanda sahaja di atas huruf « e » seperti « é » atau « ê ». Usaha transkripsi atau perumian perbendaharaan bahasa Cam ini menggunakan sistem seperti yang dihuraikan di atas dan sumber kata-kata Cam bersumberkan lima buah kamus seperti disenaraikan di atas. Gabungan lima buah karya termasyhur ini menghasilkan lebih kurang 25,000 kata dalam perbendaharaan bahasa Cam yang terkumpul setakat ini. Dan jika diambil kira varian-varian yang sedia, jumlah keseluruhannya ada lebih kurang 50,000 kata. Dengan izin Allah SWT, perbendaharaan bahasa Cam dalam aksara rumi diharapkan menjadi sebuah khazanah bangsa Cam yang satu ketika dahulu mempunyai sebuah kerajaan yang termasyhur dalam satu wilayah yang terbentang sepanjang bahagian pendalaman dan pesisiran pantai negara Vietnam sekarang. Khazanah orang Cam yang lain masih ditemui dalam bentuk candi, monumen, inskripsi termasuk inskripsi yang masih ditemui sehingga ke hari ini di Vietnam.

Oleh kerana ada permintaan yang banyak khususnya daripada kalangan mereka yang berkelulusan bidang agama serta sangat biasa dengan huruf Arab, adalah munasabah untuk kami menjawab seruan mereka dengan mengadakan satu sistem ejaan Cam Moden dalam huruf Jawi. Projek ini akan mengambil sedikit masa untuk menyelesaikan satu sistem ejaan Jawi-Cam yang mewakili bunyi-bunyi seperti disenaraikan di atas.

KESIMPULAN

Bahasa merupakan satu khazanah yang paling besar bagi sesuatu kaum manusia. Jika bahasa sesuatu kaum ditelan zaman, bangsanya akan ikut serta. Oleh sebab itu, bahasa Cam yang ditulis dalam apa jua huruf sepanjang sejarahnya sama ada huruf *Akbar Thrah* atau *Akbar Srab* (dipinjam dan diubahsuai dari huruf Pallava), huruf rumi (dipinjam dari Latin) atau pun jawi (dipinjam dari Arab) telah menunjukkan bahawa penciptanya adalah mereka yang bijak pandai dalam menambahkan konsonan

dan vokal daripada abjad asal Pallawa, Latin atau Arab, untuk menyesuaikan dengan fonetik mereka. Kebijaksanaan ini telah ditafsirkan dengan adanya dalam tamadun mereka inskripsi dan kemudian manuskrip dalam bahasa dan huruf Cam. Khazanah ini harus dipelihara. Salah satu pemeliharaan ini adalah dengan mengadakan terbitan hasil karya yang sedia ada dalam bahasa Cam yang telah dihasilkan atas usaha cendekiawan Cam. Diharapkan perumian perbendaharaan bahasa Cam ini akan meninggalkan satu khazanah baru untuk generasi akan datang. Jika ada pendapat yang mengatakan bahawa terbitan perbendaharaan kata Cam dalam dua jenis huruf, aksara Akhar thrah dan rumi Cam sahaja tidak membawa nilai tinggi untuk sebuah karya, kami yang bertungkus lumus menghasilkan karya ini benar-benar berharap kami boleh menghasilkan kamus bahasa Cam seperti yang diinginkan, yang seperti biasa penghasilan sesebuah kamus akan mengambil masa yang lama. Sambil menunggu karya tersebut kami dengan rendah diri ingin merakamkan buat masa ini sebuah khazanah bangsa Cam yang hanya tinggal bahasa sahaja. Kami mengakhiri dengan mengambil sebuah petikan dari naskhah bersifat sejarah bangsa Cam di Kemboja yang berakhir pada bait 1392-1393 yang berbunyi:



1392. 𑜀𑜂𑜆𑜄 𑜁𑜇𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄

1393. 𑜀𑜂𑜆𑜄 𑜁𑜇𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄 𑜃𑜆𑜄𑜂𑜆𑜄

- 1392. gap yac hurak ni tamat jeh rei blaoh di harei but mang pagé
- 1393. gap yac lei halun kanal asit rei mada gap halei ngap taow nao gac

Terjemahan:

- 1392. Wahai manusia (pembaca)! Penulisan ini telah siap pada pagi hari Rabu.
- 1393. Wahai manusia (pembaca)! Saya hanya mengetahui sedikit sahaja. Jika ada sesiapa yang lebih mengetahuinya, teruskanlah penulisan.

CM39(36) Bait 1392 dan 1393

Rayuan di penghujungnya adalah penting bagi membangkitkan semangat rajin menulis kepada generasi akan datang. Di samping itu, penulis karya tersebut merakamkan tradisi penulisan dengan mengingatkan kepada generasi akan datang bahawa mereka harus menyambung tradisi “penulisan” seperti ini. Akhir kata sistem digital aksara Cam serta perumian bahasa telah pun ada, terpulanglah kepada cendekiawan moden untuk berusaha teruskan tradisi penulisan ini sama ada dalam apa jua huruf.

RUJUKAN

Abdul Majid Hj. Yunos. 2010. *Kamus Cam-Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
 Aymonier E., Cabaton A. 1906. *Dictionnaire Cam – Français*. Paris: EFEO.
 Cabaton A. 1902. *Nouvelles Recherches sur les Chams*. Paris: EFEO.
 Cabaton, A. 1909. *Le Cambodge et le Campa au XVIe siècle, d'après les documents espagnols*. (Extrait du Bulletin de géographie historique et descriptive, N°3. 1908: 404-409. Paris: Imprimerie Nationale.
 Cœdès, G. *La Plus Ancienne Inscription en Langue Cham*, hal. 46 – 49. (No date; No publisher)

- Hassan Tu. 2015. *Grammar of the Cam Language*. (No Publisher's name; No place of Publication).
- Lafont, Po Dharma & Nara Vija. 1977. *Catalogue des Manuscrits Cam des Bibliothèques Françaises*. Paris: EFEO.
- Maspéro G. 1928. *Le Royaume de Champa*. Bruxelles, Brill. Paris.
- Mousay G. 2006. *Grammaire de la Langue Cam*. Paris: Missions Étrangères de Paris.
- Mohamad Zain Musa, Danny Wong Tze-Ken & Po Dharma (Penterjemah). 2000. *Empat Leksikon Babasa Melayu – Babasa Cam yang disusun di Campa pada abad ke 17*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan dan EFEO.
- Mohamad Zain Musa, Yusof Mohamad, Ahmad Hafiz Osman & Arifin Musa. 2012. *Kamus Melayu-Cam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moussay, Gérard. 1971. *Dictionnaire Cam-Vietnamien-Français*. Phan Rang, Vietnam: Centre Culturel Cam.
- Po Dharma. 1981. *Complément au Catalogue des Manuscrits Cam des Bibliothèques Françaises*. Paris: Publication de l'École Française d'Étrême-Orient.
- Thanh Phan. 2007. *Cham Bibliographic Catalogues in Vietnam*. Ho Chi Minh City: University of Social Sciences and Humanity.
- Thanh Phan. 2014. Spoken and written language of the Cham Case study inscriptions and texts written by the Cham in Vietnam. Presented at the International Conference on The Cham Art Heritage of Vietnam: Ecological, Cultural and Art Historical Traditions; 25-26 April 2014, at IGNCA, New Delhi, India.

Mohamad Zain Musa
 25 Jalan Dahlia 1 Taman Desa Dahlia
 43000, Kajang
 Selangor D.E.
 E-mel: mzenbm@gmail.com

Karim Abd Rahman
 Mantan Pensyarah UKM

Diserahkan: 4 Januari 2021

Diterima: 3 Mac 2021

Diterbitkan: 30 Jun 2021

¹ Crawford J., 1852.

² Lafont P.-B., 1977

³ Po Dharma, 1981.

⁴ Thanh Phan, 2007

⁵ Ucapan terima kasih saya buat Prof. Thanh Phan, Professor di Jabatan Anthropology di University of Social Sciences and Humanities, National University of Ho Chi Minh City. Beliau bertugas di Center for Vietnamese and Southeast Asian Studies (CVSEAS). Beberapa gambar dalam halaman berikut adalah ihsan beliau. Makalah Thanh Phan 2014 merupakan satu makalah yang baik tentang hal ini.

⁶ Lafont P.- B., 1977, hal. 1 -11.

⁷ Aymonier E., 1906, hal. XII. A. Cabaton, *Nouvelles Recherches sur les Chams*, Hal. 93

⁸ Aymonier E., 1906, hal. XI. Cabaton A., 1902.

⁹ E. Aymonier & A. Cabaton, *Dictionnaire cam – français*, hal. XII.

¹⁰ Juga disebut Cam Bani.

¹¹ Juga disebut Cam Islam.

¹² Lafont... catalogue... Po Dharma catalogue, MZ catalog MSS Cam di M'sia